

AKTIVIS sosial dan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sarjit Singh Darshan Singh Gill dilantik Felo Adjung di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) dan Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM) baru-baru ini.


Dr Sarjit dilantik memegang jawatan sebagai Felo Adjung di IPPBM oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) selama setahun berkuatkuasa 1 November 2008 manakala pelantikan sebagai ahli IIM berkuat kuasa 1 Januari,

selama dua tahun.

Beliau terharu dengan perlantikan itu dan berhasrat memajukan bidang sains sosial di peringkat universiti dan antarabangsa terutama pengajian minoriti seperti komuniti belia dan membudayakan integriti rakyat Malaysia.

"Pelantikan seumpama ini adalah peluang terbaik kepada kakitangan akademik UPM untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat

Dr Sarjit dilantik jadi Felo Adjung IPPBM



DR SARJIT...majukan bidang sains sosial

Beliau berkhidmat di UPM sejak tahun 2000 dan pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia UNESCO di Bangkok sering menulis artikel isu tempatan mengenai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.

dan negara," katanya.

Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Sarjit merancang untuk meningkatkan jaringan bestari yang lebih luas di antara UPM dengan IPPBN dan IIM.

Beliau berkhidmat di UPM sejak tahun 2000 dan pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia

UNESCO di Bangkok sering menulis artikel isu tempatan mengenai kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.

Artikel-artikel ini sering disiarkan di majalah Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Pelita Bahasa dan Dewan Siswa serta di akhbar-akhbar tempatan.

Selain itu juga, beliau sering memberi pandangan di stesen televisyen seperti RTM, TV3 dan radio Bernama.

HAKAN METRO 12/1/09